

03 SEP 2002

Roda Impian-Amal

RODA IMPIAN KUTIP DERMA UNTUK YAYASAN AIDS

KUALA LUMPUR, 3 Sept (Bernama) -- Seramai 30 artis akan berentap untuk meraih `hadiah' yang ditawarkan dalam siri Roda Impian terbitan Measat Broadcast Network Systems Sdn Bhd (MBNS) sepanjang November ini.

Sepuluh episod khas Siri Amal Roda Impian itu akan ditayangkan di Astro Ria setiap Sabtu dan Ahad bermula 9 Nov pada pukul 9 malam.

Siri khas itu bertujuan untuk mengutip derma bagi Yayasan Aids Malaysia.

MBNS dan Majlis Aids Malaysia (MAF) menandatangani memorandum persefahaman bagi siri khas itu itu di sini hari ini.

Perjanjian itu ditandatangani oleh Pengarah MBNS Datuk Badri Masri dan Presiden MAF Datin Marina Mahathir.

Sempena majlis itu, MBNS turut menyumbang RM50,000 kepada yayasan itu.

Roda Impian dipilih untuk menjalankan aktiviti amal itu berdasarkan statusnya sebagai rancangan `gameshow' popular di Malaysia dengan 2.2 juta penonton.

"Keistimewaan siri amal itu ialah pesertanya terdiri daripada 30 personaliti dan hasil kemenangan mereka diserahkan kepada yayasan itu," kata Badri.

Beliau berkata antara personaliti terlibat ialah artis veteran Datuk Jins Shamsuddin, penyanyi Ferhad, pelakon Vanida Imran dan pelawak Harith Iskandar.

Sementara itu, Marina yakin program itu dapat meningkatkan kesedaran mengenai Aids di kalangan masyarakat.

"Harapan kami ialah kesedaran mengenai HIV/Aids di negara kita akan meningkat kerana ini adalah satu program yang amat popular jadi penontonnya besar," katanya.

Bermula hari ini hingga 8 Dis, sumbangan boleh dibuat melalui panggilan telefon dengan mendail 03-95434188 dan menghantarkan cek di atas nama Yayasan Aids Malaysia.

Siri amal itu dijangka mengutip RM500,000 melalui sumbangan pelanggan Astro dan syarikat korporat.

-- BERNAMA

KLS MTV AHH MOZ